

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 OKTOBER 2022

AKHBAR : HAKAKAH

MUKA SURAT : 29

RM25 juta sumbangan Petronas hadapi banjir

RM25 juta sumbangan Petronas hadapi banjir

Oleh SALMAH MAT
HUSAIN
Foto RIZAL TAHIR

KOTA BHARU: Petronas Wilayah Timur telah menyampaikan sumbangan kepada agensi penyelamat Kelantan di dalam usaha membuat persediaan menghadapi banjir.

Sumbangan berbentuk peralatan menyelamat dan perlindungan kepada mangsa banjir itu disampaikan oleh Pengerusi Besar Petronas Pantai Timur, M Ahmad Shazly Ramli kepada Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah di dalam satu majlis ringkas di Kota Darul Naim di sini.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Kelantan, Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean bin Tengku Feissal dan Pengarah Jabatan Pertahanan Awam Negeri Kelantan, Kol. (PA) Mohd Adzhar Mujib.

Di antara peralatan yang disampaikan termasuklah dua unit bot yang dilengkapi dengan enjin, tangki bahan api, serta kemudahan roda mudah alih, 1,000 unit khemah perlindungan mangsa banjir, 700 unit



Timbalan Menteri Besar Kelantan menerima replika bantuan daripada Petronas.

jaket keselamatan dan 7,000 helai baju hujan.

Menurut M Ahmad Shazly, "Petronas berterimakasih di atas komitmen yang telah diberikan oleh pihak berkuasa di dalam usaha menyelamatkan mangsa banjir selama ini.

"Kami berharap agar sumbangan yang disampaikan dapat membantu agensi terbabit membuat persediaan menghadapi musim tengkujuh," katanya.

Sumbangan merupakan sebahagian daripada 36 buah bot, 8,800 buah khemah, 5,500 unit jaket keselamatan dan 55,000 helai baju hujan yang disumbangkan ke 14 negeri seluruh negara oleh Petronas.

Ianya juga merupakan sebahagian daripada komitmen Petronas membantu mangsa banjir bernilai RM25 juta yang diumumkan pada Disember 2021.

Di antara Januari hingga Julai 2022, Yayasan PETRONAS turut terlibat menganjurkan Program Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM), kepada penduduk di Kepulauan Tumpat, Kelantan dan Mukim Ganchong di Pekan, Pahang.

Program latihan persediaan sebelum bencana itu membantu penduduk di kawasan berisiko tinggi untuk melakukan persiapan yang lebih sistematik menghadapi banjir.